

242

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**NO. SOALAN : 293**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan pakej bantuan membantu  
peniaga-peniaga kedai runcit di luar bandar  
menghadapi kemerosotan perniagaan akibat harga  
barang, kesan daripada kenaikan harga minyak dan  
kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membantu peniaga-peniaga kedai runcit luar bandar, Kementerian ini mempunyai Program Skim Pembiayaan Ekonomi Desa bagi usahawan bumiputera di luar bandar di mana skop pembiayaan adalah meliputi pembelian mesin, peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan.

Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran, penjamin dan bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman tahunan semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam bulan.

Dua buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Sepanjang tahun pelaksanaan SPED dari tahun 2001 hingga 30 Januari tahun 2018, seramai 2,703 orang usahawan bumiputera luar bandar telah diluluskan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM259.1 juta di bawah sektor perkhidmatan yang mana peruncitan merupakan sub sektor yang utama.

Jumlah ini menunjukkan bahawa program ini telah berjaya sekurang-kurangnya membantu pekedai runcit di luar bandar khususnya dalam menghadapi kemerosotan perniagaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada masa kini.

Disamping itu, Kementerian melalui MARA juga menyediakan kemudahan kepada peniaga-peniaga luar bandar seperti Skim Pembiayaan Perniagaan (Modal Pusingan) pada kadar RM5,000 hingga RM500,000 bergantung kepada projek dan bentuk perniagaan.

MARA juga menyediakan kemudahan sewaan rumah kedai dengan kadar sewaan daripad RM200 hingga

RM450. Selain itu, MARA juga memberikan bimbingan dan latihan keusahawan kepada usahawan/peniaga luar bandar bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
DARIPADA [ BATU PAHAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerangkan perencanaan dan langkah-langkah menjadikan Pengajian Tahfiz diserapkan dalam main stream Pendidikan Negara supaya boleh berperanan dalam membangun sahsiah dan keperibadian pelajar.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memulakan inisiatif berkaitan Pengajian Tahfiz pada tahun 2013 dengan menjadikan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai kurikulum Kebangsaan untuk dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). KPM telah melaksanakan beberapa inisiatif berkaitan Pengajian Tahfiz dalam Sistem Pendidikan Negara, antaranya seperti berikut:

- i. Pelaksanaan Program Tahfiz Ulul Al-Bab (TMUA) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2014 di 11 buah Sekolah Menengah

Kebangsaan Agama (SMKA) dan empat (4) buah Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi (SBPI) seluruh negara dengan bilangan murid 4712 orang.

- ii. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang mula dilaksanakan pada 2015 di 17 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara dengan bilangan 2997 orang murid.
- iii. Pelaksanaan al-Syhadatul al-Ulya pada Januari 2018 di Sekolah Menengah Imtiaz Besut Terengganu. Seramai 60 orang murid terdiri daripada 45 lelaki dan 15 perempuan telah ditawarkan mengikuti program tersebut.

Bagi tujuan peluasan Pengajian Tahfiz di semua SMKA dan SABK, KPM akan membuat penilaian dan semakan dari semasa ke semasa sebelum dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]

SOALAN:

**YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah konkrit dan komprehensif dalam mengatasi superumahan di kalangan beli bandar, pinggir bandar dan luar bandar dalam menyediakan rumah mampu milik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah konkrit dan komprehensif dalam mengatasi isu perumahan dalam kalangan belia oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah melalui pelaksanaan **Program Perumahan Transit Belia (MyTransit) dan Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M).**

**PROGRAM RUMAH TRANSIT BELIA (MYTRANSIT)**

Perumahan Transit Belia (MyTransit) merupakan inisiatif baharu di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang telah diumumkan dalam Bajet 2017 dengan sasaran 10 ribu unit rumah di bandar-bandarutamaseluruh negarabagitempoh pelaksanaan 5 tahun.

Sebagaimulaan, YAB Perdana Menteri telah melancarkan 2,010 unit MyTransit di Mukim Batudan Mukim Kepong, Kuala Lumpur pada 18 September 2017 yang dijangkasiappadatahun 2021. Perumahan Transit



250

Beli ini terdiri daripada 2 jenis iaitu Unit Studio berkeluasan 400 kaki persegi dan Apartmen 2 bilik berkeluasan 550 kaki persegi.

### **PROGRAM RUMAH TRANSIT 1 MALAYSIA (RT1M)**

Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M) pula bertujuan untuk memberi kemudahan perumahan secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur antara 18 hingga 30 tahun. Program ini bertumpu di bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah dan berkelayakan.

RT1M ini disewakan dengan kadar sebanyak RM250.00 sebulan bagi tempoh sewaan permulaan selama 3 tahun dengan opsi lanjutan maksimum selama 2 tahun (1 + 1) tertakluk kepada prestasi bayaran sewaan penyewa dan pertimbangan rayuan untuk melanjutkan tempoh sewaan. Antara syarat kelayakan pemohon RT1M adalah:-

- i) Warganegara Malaysia termasuk pasangan;
- ii) Telah berkahwin dan berumur antara 18 hingga 30 tahun;
- iii) Tidak mempunyai rumah sendiri di kawasan / negeri rumah transit dipohon dan bekerja di kawasan / negeri rumah transit dipohon;

- iv) Pendapatan isi rumah RM5,000.00 dan ke bawah; dan
- v) Tiada rekod jenayah.

Buat masa ini, Kementerian telah melaksanakan RT1M di 3 lokasi iaitu:-

- i) RT1M Bukit Jalil, Kuala Lumpur (632 unit);
- ii) RT1M Sri Aman, Jinjang Kepong, Kuala Lumpur (410 unit); dan
- iii) RT1M Sg. Melana, Johor Bahru, Johor (390 unit).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT turut menyediakan beberapa skim bantuan perumahan lain bagi memastikan rakyat di negara ini memiliki rumah termasuklah kepada golongan belia seperti:

- i) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- ii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit);
- iii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP); dan
- iv) Skim Sewa Untuk Milik (Rent to Own - RTO) Program Perumahan Rakyat (PPR).

Kementerian Kesejahteraan Bandar  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018